



PERIBAHASA

ARAHAN: Pilih jawapan yang betul.

1 Penduduk Kampung Selesa selalu bekerjasama dalam melakukan sesuatu _____.

A bagai aur dengan tebing

C bagai kacang lupakan kulit

B bagai pinang dibelah dua

D seperti anjing dengan kucing

2 Permintaan pemilik rumah setingan terhadap kerajaan itu _____.

A seperti api dalam sekam

C bagai Belanda meminta tanah

B seperti gajah masuk kampung

D bagai menatang minyak yang penuh

3 Lee dikatakan _____ kerana tidak tahu menghargai hadiah yang diberi oleh kawannya.

A bagai itik pulang petang

C bagai bertepuk sebelah tangan

B bagai kera dapat bunga

D bagai menatang minyak yang penuh

4 Sikap Carrie menganiaya Connie yang telah membantunya diibaratkan sebagai _____.

A bagai kumbang putus tali

C bagai kelip-kelip terbang malam

B seperti cincin dengan permata

D bagai melepaskan anjing tersepit

5 Perasaan Encik Lee _____ apabila anaknya hanya lulus dua mata pelajaran dalam peperiksaan UPSR.

A seperti rusa masuk kampung

C seperti punggung rindukan bulan

B seperti belut pulang ke lumpur

D seperti kaca terhempas ke batu

PERIBAHASA

ARAHAN: Kenal pasti 5 peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar.



Bagai anjing dengan bayang-bayang

Bagai anjing dengan kucing

Sediakan payung sebelum hujan

Cendawan tumbuh selepas hujan

Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri

Katak di bawah tempurung

Bapa borek, anak rintik

Kaki bangku

PERIBAHASA

ARAHAN: Pilih jawapan yang betul.

1. Ahmad yang tidak bertegur sapa dengan abangnya selama setahun, sekarang telah berbaik-baik semula kerana [REDACTED].

2. Kita mestilah belajar bersungguh-sungguh sehingga mendapat keputusan yang cemerlang kerana [REDACTED].

3. Kerja memotong kayu itu [REDACTED] sahaja bagi Ah Kow kerana sejak kecil lagi dia telah melakukannya.

4. Saya tetap membeli baju yang mahal harganya itu kerana saya percaya [REDACTED].

5. Shafiqq selalu menurut apa sahaja kata kawan-kawannya yang nakal sehingga dia sendiri mengalami nasib yang sama. Bak kata pepatah, [REDACTED].

6. "Kamu ni Nazry, [REDACTED]. Sekarang tengok apa sudah jadi pada kamu. Janganlah melakukan sesuatu jika kamu tidak mahu tanggung derita tersebut." kata Afiq.

7. Ali tertipu dengan berita yang diterimanya mengatakan bahawa keputusannya begitu teruk sekali. Sedangkan semuanya [REDACTED], keputusan Ali sangat memberangsangkan.

8. Segala perbuatan dan kebaikan Amar kepada Najib seperti [REDACTED] apabila Najib mendapat segala kesenangan hasil bantuan Amar.

9. Cikgu selalu berpesan pada saya bahawa, [REDACTED] supaya saya sentiasa berjaga-jaga dengan perkara disekeliling saya sebelum saya ditimpa apa-apa kejadian yang tidak diingini.

10. Pak Najib menyesal tidak mengajar anaknya akhlak yang baik dari kecil lagi. Barulah dia sedar kalau hendak [REDACTED] kerana setelah anaknya dewasa tidak mudah untuk mengubah sikap buruk anaknya itu.